

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Malaysia bakal dilanda jerebu</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 1
2.	<u>Pupuk minat sains</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 2



TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
3.	<u>Sasar tubuh hab robotik</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 3
4.	<u>Ministry to enforce rules on waste separation</u>	The Star	Rujuk Lampiran 4
5.	<u>No more illegal plastic factories</u>	The Star	Rujuk Lampiran 5
6.	<u>VTAR student better equipped for the future</u>	The Star	Rujuk Lampiran 6
7.	<u>Kerajaan negeri belum terima laporan pencemaran Sungai Selangor</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 7
8.	<u>Green Aqua Bin juara KIKHB PTSB 2019</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 8
9.	<u>S&P affirms TNB's BBB + rating</u>	The Sun	Rujuk Lampiran 9
10.	<u>Penyusunan semula beri respons baik</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 10
11.	<u>Microplastics a threat to marine ecosystem and human health</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 11
12.	<u>Automation journey can begin with cobots</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 12
13.	<u>TNB sedia pasang lampu di laluan berisiko</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 13
14.	<u>Focus on smart sustainable cities</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 14



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
15.	<u>Firm fined for dumping plastic waste</u>	The Star	Rujuk Lampiran 15
16.	<u>11 orang terkorban akibat gelombang haba di Jepun</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 16

LAMPIRAN 1
 SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 14
 TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

Malaysia bakal dilanda jerebu

Bermula hari ini disebabkan kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera, Indonesia

MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM



Malaysia dijangka berdepan jerebu ekoran kebakaran hutan yang sedang berlaku di Riau, Indonesia.

Jabatan Meteorologi mendedahkan Malaysia bakal berdepan dengan pencemaran udara atau jerebu bermula hari ini disebabkan oleh kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera, Indonesia.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi Malaysia, Muhammad Helmi Abdullah berkata, Sumatera terletak di barat daya Malaysia dan pergerakan

angin ke Malaysia adalah dari arah tersebut.

Menurutnya, tiupan angin itu juga dipengaruhi oleh faktor tekanan angin rendah di Laut China Selatan.

"Setakat ini kita mendapati beberapa kawasan di Lembah Klang seperti Selangor, Kuala Lumpur

dan Putrajaya telah terkesan. Jika dilihat kepada keadaan cuaca pagi tadi (semalam) ada sedikit jerebu.

"Berdasarkan kepada stesen kami di Petaling Jaya, Subang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Negeri Sembilan di Kuala Pilah menunjukkan kadar ketampakan menu-

run. Semalam (kelmarin) ada satu titik panas di Pahang," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata, berdasarkan laporan, terdapat kira-kira 32 titik panas di Sumatera akibat kebakaran yang bakal mempengaruhi kadar pencemaran udara di Ma-

laysia.

"Saya jangkakan Malaysia akan mengalami jerebu bagi tempoh seminggu bermula hari ini.

"Selagi kebakaran tidak berjaya dipadamkan, kita akan terus menerima kesan ini atas beberapa faktor utama iaitu arah tiupan angin," katanya.

Justeru, beliau menasihati orang ramai supaya mengurangkan aktiviti luar rumah sekiranya kadar pencemaran udara tinggi kerana memberi kesan kepada kesihatan.

"Ikuti pengumuman yang dibuat pihak berkaitan perkara ini dari masa ke semasa bagi mendapatkan maklumat lanjut," katanya.

Sementara itu tinjauan *Sinar Harian* di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar mendapati indeks pencemaran udara (IPU) di Malaysia setakat jam 5 petang semalam, kebanyakan kawasan masih berada pada kadar sederhana.



LAMPIRAN 2 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 30 TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)



Pupuk minat sains



Di oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



MINGGU Sains Negara (MSN) kembali lagi dengan fasa dua yang akan melibatkan negeri-negeri yang tidak mengadakan sambutan seperti fasa satu sebelum ini iaitu pada 1 hingga 7 April lalu.

Fasa dua melibatkan Wilayah Persekutuan (Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara), Terengganu, Sabah, dan Sarawak serta Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Jitra, Kedah.

Penganjuran fasa satu mendapat sambutan meriah dengan jumlah keseluruhan pengunjung yang dicatat di empat buah negeri adalah 201,311 orang.

MSN penting sebagai pemacu kepada usaha menyuburkan bidang sains di negara ini

Ini kerana pembangunan negara memerlukan kepada penggunaan sains dan teknologi. Justeru, adalah sangat penting untuk menyepadukan ilmu sains dan teknologi dengan sains sosial dalam



GENERASI muda perlu didedahkan dengan subjek sains bagi memupuk minat dan kecintaan terhadap bidang tersebut. - GAMBAR HIASAN.

membincangkan isu berkaitan teknologi dan kesannya terhadap kelestarian persekitaran dan masyarakat.

Apatah lagi semua sudah memperkatakan Revolusi Industri 4.0 yang menuntut pembaharuan atau penemuan pelbagai teknologi dalam bidang seperti robotik automasi, penjana kuasa elektrik, kepintaran buatan (AI), *virtual reality*, *augmented reality* dan sebagainya lantas

mengekalkan kelangsungan hidup dan menyemarakkan keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merasmikan MSN pada 2 April lalu di Pusat Sains Negara berkata, program tersebut diadakan sebagai salah satu usaha untuk mendekatkan masyarakat dengan dunia sains.

"Dari sini ia diharapkan dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan dan sumbangan yang mampu diperolehi

daripada sains," ujarnya.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang menyelaras MSN di seluruh negara setiap tahun menyatakan bahawa ia penting sebagai salah satu inisiatif sains kebangsaan. MSN diadakan berdasarkan



ISNARAISSAH MUNIRAH MAJLIS

keputusan Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017.

Pelbagai program dirancang serta akan dilaksanakan dalam fasa dua dan tumpuan utama atau *signature* program bagi setiap negeri adalah kempen kesedaran berkaitan hindari plastik sekali guna dan kempen kesedaran berkaitan penjagaan alam sekitar.

Ini kerana bencana pencemaran kimia yang dilaporkan baru-baru ini memberi cerminan jelas bahawa tahap kesedaran masyarakat di pelbagai peringkat masih berada pada tahap yang sangat rendah dan membimbangkan.

Di samping *signature* program itu, setiap negeri juga akan melaksanakan pelbagai *signature event* yang kebanyakannya adalah hasil

kerjasama jalinan strategik antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, **Isnaraissah Munirah Majlis** berkata, MSN merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi meningkatkan


minat dan kesedaran masyarakat tentang



MITC (Kiri). Planetarium Melaka dan Dewan Warisan Kangar, Perlis (kanan) antara lokasi yang akan menjadi tumpuan pengunjung sempena Minggu Sains Negara fasa dua.



LAMPIRAN 2 (samb.) UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 31 TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)



JOM Teropong Angkasa antara aktiviti yang dijangka menjadi tumpuan di MITC, Ayer Keroh, Melaka.

kepentingan sains, teknologi dan inovasi (STI) yang bersifat dinamik, seiring dengan perubahan masa.

"Menyadari bahawa STI merupakan asas penggerak untuk mencorakkan landskap sosioekonomi negara, maka adalah penting STI diperkukuh dan diurusperandakan ke semua sektor dan peringkat dalam agenda pembangunan negara," ujar beliau.

Katanya, tema Sains Untuk Kesejahteraan dipilih bagi menunjukkan betapa sains dan teknologi memberi kesan yang besar terhadap kelestarian alam sekitar dan masyarakat.

Pembangunan negara yang mapan memerlukan sains dan teknologi, justeru adalah sangat penting untuk sains dan teknologi disepadukan dengan sains sosial dalam membincangkan isu berkaitan teknologi dan kesannya terhadap kelestarian persekitaran dan masyarakat.

"MSN adalah bukti kerajaan komited menjadikannya sebagai salah satu platform menyedai masyarakat untuk menghadapi cabaran IR 4.0," ujar beliau lagi.

Kementerian berkenaan menyasarkan penglibatan dan penyertaan kira-kira satu juta penduduk daripada pelbagai lapisan masyarakat terutama pelajar, pendidik dan saintis, belia, NGO serta sektor awam dan swasta.

Antara sebab MESTECC menyasarkan pelajar adalah kerana cabaran IR 4.0 menuntut pembaharuan atau penemuan pelbagai teknologi dalam bidang seperti robotik automasi, penjanaan kuasa

elektrik, kepintaran buatan (AI), realiti maya (*virtual reality*), *augmented reality* dan sebagainya.

Justeru MSN penting sebagai satu platform bagi MESTECC mendukung usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai saintis dan penyelidik pada masa hadapan.

MSN fasa dua dirasmikan Raja Muda Perlis, Tanju Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Dewan Warisan Kangar, Perlis malam ini.

MESTECC ANJUR PERTANDINGAN VIDEO

Dalam pada itu, sejajar dengan aspirasi MSN 2019 iaitu bagi meningkatkan penglibatan rakyat khususnya pelajar sekolah dalam program dan aktiviti berteraskan STI, MESTECC mengadakan Pertandingan Video Pendek dan Laporan Aktiviti Minggu Sains Negara Peringkat Sekolah dengan tema Sains Untuk Kesejahteraan.

Syarat pertandingan dan format pelaporan program atau aktiviti boleh dimuat turun menerusi laman sesawang kementerian berkenaan.

Format pelaporan program atau aktiviti perlu diisi oleh sekolah dan dihantar kepada urus setia MSN 2019 melalui e-mel seksyenpembudayaan@mestec.gov.my sebelum atau pada 31 Ogos ini.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Muhammad Fauzi Samsubaha melalui talian 03-8885 8148 atau e-mel mfauzi@mestec.gov.my

INFO MINGGU SAINS NEGARA

- Minggu Sains Negara merupakan salah satu daripada inisiatif MESTECC dalam usaha memupuk minat masyarakat terhadap ilmu sains.
- Platform untuk menyemarakkan dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi (STI) di pelbagai peringkat dan penglibatan semua yang terlibat.
- Memberi kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya STI dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

OBJEKTIF PENGANJURAN MSN

- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI dalam kehidupan seharian;
- Menarik minat dan meningkatkan bilangan pelajar yang memilih jurusan Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) selaras dengan agenda STEM.
- Menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan kejayaan dalam bidang sains.
- Fasa kedua MSN dilaksanakan pada 2 hingga 8 Ogos 2019 di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang.

AKTIVITI MSN MENGIKUT NEGERI

- Penganjur: Akademi Sains Malaysia, Johor
Tarikh: 15 Julai sehingga 15 Ogos 2019.
Antara program:
 - *Plogging Run* MSN Johor pada 3 Ogos 2019;
 - Malam Astronomic pada 3 Ogos 2019;
 - Karnival Sains pada 3 dan 4 Ogos 2019; dan
 - Pelancaran Majlis Sains, Teknologi dan Inovasi Johor (JOSTIC) pada 4 Ogos 2019.
- Penganjur: Agensi Nuklear Malaysia, Negeri Sembilan
Tarikh: 15 Julai hingga 15 Ogos 2019

Antara program:

- *Science Show Matter that Matter* - Pameran sains menggunakan cecair nitrogen di Stadium Nilai, pada 1 hingga 4 Ogos 2019;
- Eksperimen Makmal : *Mr. Gamma & You!* - Pemantauan radiasi di sekolah-sekolah terpilih di semua daerah Negeri Sembilan (Jejebu, Jempol, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin) pada 15 Julai hingga 15 Ogos 2019.
- *Nuclear BFF* di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) daerah Jempol dan Jejebu pada 15 Julai hingga 15 Ogos 2019 - fokus kepada pelajar pendidikan khas.

● Penganjur: Jabatan Alam Sekitar, Perlis
Tarikh: 26 Julai hingga 4 Ogos 2019

Antara program:

- Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik Elektronik, Dewan Warisan, Kangar pada 1 hingga 4 Ogos 2019.
- Kem Kesedaran Alam Sekitar (KekAS), Pulau Tuba, Langkawi pada 26 hingga 28 Julai 2019.
- *Boat plogging* di Kuala Sungai Perlis, Kangar.
- Majlis Perasmian Pembukaan MSN Perlis di Dewan Warisan, Kangar pada 1 Ogos 2019.

● Penganjur: Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA), Selangor
Tarikh: 3 dan 4 Ogos 2019

- Antara program:
- Karnival MSN 2019 @ Selangor
 - *STEM Pioneer Video Series*
 - Hari Terbuka SEDA 2019

● Penganjur: Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau), Kedah
Tarikh: 2 hingga 4 Ogos 2019

- Antara program:
- *Plogging Run* bertempat di Riverfront City, Sungai Petani, Kuala Muda pada 4 Ogos 2019;
 - *Green Guardian Mobile* di Riverfront City, Sungai Petani, Kuala Muda pada 3 hingga 4 Ogos 2019; dan
 - Zumba atau Senamrobik di Riverfront City, Sungai

Petani, Kuala Muda pada 2 hingga 4 Ogos 2019

● Penganjur *Malaysian Space Agencies (MySA)*, Melaka
Tarikh: 6 hingga 17 Ogos 2019.

Antara program:

- Pertandingan Geocaching Melaka Bersejarah di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) pada 17 Ogos 2019.

➤ Jom Teropong Angkasa di MITC pada 15 hingga 16 Ogos 2019.

➤ Seronoknya Sains bersama Ikon di MITC pada 16 hingga 17 Ogos 2019.

● Penganjur: Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Kelantan
Tarikh: 1 Julai hingga 19 Ogos 2019

Antara program:

- Cabaran Robot, Dewan Jubli Perak, pada 15 hingga 19 Ogos 2019.
- Cabaran dron, Dewan Jubli Perak pada 1 Julai hingga 19 Ogos 2019.
- Dikir Sains, Dewan Jubli Perak pada 17 hingga 19 Ogos 2019.

● Penganjur: Institut Kebangsaan Bioteknologi Malaysia (NIBM) Pulau Pinang
Tarikh: 18 hingga 24 Ogos 2019

Antarannya program:

- *Amazing Race* (Pencarian Harta Karun di Batu Feringgi).
- Pertandingan Inovasi, Sains dan Teknologi.
- Karnival Sains dan Aktiviti Sekolah.

● Penganjur: Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA), Perak
Tarikh: 23 hingga 25 Ogos 2019

Antara program:

- *Plogging Run for Health & Environment* di Padang Ipoh pada 24 Ogos 2019.
- *5 minutes Science / SocMed Science* di Aeon Station 18, Ipoh.
- Forum Sains dan Agama di Jabatan Belia dan Sukan Ipoh pada 23 Ogos 2019.

LAMPIRAN 3
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 38
TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

Sasar tubuh hab robotik

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensinya, Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) menasaskan untuk menubuhkan hab robotik pada akhir tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif MARii, Datuk Madani Sahari berkata, hab itu akan mempromosikan pembangunan robotik dari segi perkakasan dan perisian, termasuk 'back-end' dan antara muka hingga aplikasi robotik.



MADANI (dua dari kanan) melawat ruang pameran Logisware Malaysia 2019 di Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam, semalam.



LAMPIRAN 4
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 6
TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

Ministry to enforce rules on waste separation

By SIM LEOI LEOI
leoi@thestar.com.my

PETALING JAYA: All industries, commercial organisations and institutions must separate their waste beginning next month or risk a fine, while those in the informal sector such as scavengers will be required to register with the National Solid Waste Management Department.

This move is to enable higher recycling rates as separation at source allows for easier sorting and subsequent treatment.

Housing and Local Government Ministry secretary-general Datuk Seri Mohammad Mentek said previously, waste separation at source did not look at industries, commercial organisations and institutions.

"But recently, we have enforced a new regulation to enforce separation at source within these three sectors next month," he told reporters after launching the Fifth Waste Management Association of Malaysia here.

By involving these sectors, Mohammad said the ministry believed that it could increase the rate of separation of waste at source as well as improve the national recycling rate, which is now around 28%.

"Our target is 30% by next year. By having

these sectors on board, we believe we can even go beyond 30% by next year," he said.

Asked whether those in the sectors above would be fined if they failed to comply, Mentek said: "They will be fined subject to regulations under the Act (672)."

Also known as the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007, Act 672 is applicable to the relevant sectors in Perlis, Kedah, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negri Sembilan, Melaka, Johor and Pahang.

Act 672 has provisions to fine households that fail to separate their waste, with the fine for the first offence at RM50 for a landed property, and RM100 for premises like shoplots, although this has never been enforced.

Mohammad said there were also other states which had expressed interest in adopting Act 672, adding if this was done, there could be at least a standardisation of solid waste management practices and enforcement, other than awareness programmes.

"As far as plastic (waste) is concerned, the issue is now because the main port of entry is Klang, which is Selangor, which doesn't adopt Act 672, and of course, Penang.

"But even though we cannot enforce (laws against these illegal recyclers), there are other agencies that can take action," he said.

LAMPIRAN 5
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

No more illegal plastic factories

Selangor to come down hard on unlawful operations

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

PETALING JAYA: Six illegal plastic recycling factories in Ijok have been shut down since early July, says Hee Loy Sian.

The Environment, Green Technology and Consumer Affairs Committee chairman said the move showed that the Selangor government was serious in clamping down on such activities.

"There will be no compromise for operators of illegal plastic factories and stern action will be taken against them," he said in replying to a question at the state assembly sitting yesterday.

Ijok assemblyman Dr Idris Ahmad had asked about the steps taken by the state government to tackle the issue of illegal plastic factories.

Hee said during another joint operation, the authorities inspected a total of 10 premises in Ijok, Bestari Jaya and Jeram.

"Nine of the premises had their electricity and water cut," he said.

However, Idris argued that despite stern action taken, illegal plastic factories were still operat-

ing and that the owners were not afraid of enforcement.

"The problem is far from being resolved. Despite cutting the electricity and water supply or issuing fines, these factories are still operating and posing a health risk to the people in the vicinity," said Idris.

He added that due to the burning of plastic, it resulted in air pollution.

"Plastic is piling up everywhere and becomes a potential mosquito breeding ground.

"Ijok is one of the hotspots for dengue fever as a result," he said.

To this, Hee pointed out that a number of compounds could be issued based on the offences such as a RM1,000 fine if unlicensed, a RM25,000 fine for failure to produce an approved building plan and that the land office could also seize the land for wrongful use.

He said offenders could also be slapped with a fine of up to RM100,000 or up to five years' jail if these factories were found to be causing pollution.

Hee said they would work closely with the Kuala Selangor district council to identify such sites.



LAMPIRAN 6
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 10
TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

VTAR students better equipped for the future



Tools for tomorrow: Wee (centre) admiring the 3D printers gifted by IME to VTAR Institute as (from left) Lau, Tan and MCA member Leong Kim Soon look on.

3D design software to nurture innovation

By ASHLEY TANG
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: VTAR Institute has signed a memorandum of understanding (MoU) with IME Technology for the latter to provide 3D design software to better equip students with the necessary skills to meet the demands of the Fourth Industrial Revolution (IR4.0).

"Working with IME will allow VTAR to upgrade its training programme by using Solidworks, a 3D computer-aided design software which is an innovative learning tool for product design and development that is easy to teach and learn. It is also exciting to use.

"With Solidworks, VTAR students, especially those in furniture and electronic courses, will be trained and equipped with the necessary skills to work in the IR4.0 environment," said MCA president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, who was the guest of honour at the MoU signing ceremony here yesterday.

He also said that with the new technology and software, VTAR would be able to produce graduates who would be better accepted in the market, adding that people would be left behind if they did not adapt to IR4.0.

"This is the trend because we know that over the next six years, we want to increase high-skilled workers from 18% to 35% of the workforce in Malaysia.

"That means there is a 17% vacuum that we need to fill. I hope that VTAR can improve its efforts to ensure that we are still competitive in the world," Dr Wee said.

Previously known as the Kojadi Institute, the institute rebranded itself as VTAR in 2015 with the aim of taking in more students and offering more diversified vocational courses.

VTAR Institute chief executive officer Tan Cheng Liang said Malaysia was currently facing a critical shortage of skilled workers, with high skilled workers only at 18% of the workforce, while semi-skilled and low-skilled workers were at 75% and 7% respectively.

Tan added that with the software, the institute would be able to train not only furniture technology students, but also those in engineering, electronics and bakery.

With the collaboration, she hoped that VTAR could play a role in helping the country build and upskill students, as well as industry players so that they are able to meet the needs of the industrial sector.

Meanwhile, IME Technology sales director Lau Chee Wei said he was happy that the software provided would help VTAR students express their creativity and come up with innovations.

IME also gifted VTAR with two 3D printers to give students the opportunity to create their own products.



LAMPIRAN 7
KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 14
TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

Kerajaan negeri belum terima laporan pencemaran Sungai Selangor

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor belum menerima laporan daripada polis berhubung insiden pencemaran Sungai Selangor baru-baru ini.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, pihaknya akan menunggu laporan itu sebelum mengambil apa-apa tindakan terhadap pihak yang terlibat.

“Setakat ini, kami belum terima lagi laporan itu. Seperti yang saya maklumkan sebelum ini, mengikut mata kasar saya, pencemaran itu lebih kepada kecuaiian dan bukan disabotaj.

“Kami akan ambil tindakan, tidak kira individu mahupun syarikat yang bertanggungjawab terhadap pencemaran sungai ini,” katanya kepada pemberita di lobi Dewan Undangan Negeri Selangor di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador pada Isnin lalu yang menyen-



AMIRUDIN



BEBERAPA kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur mengalami gangguan bekalan air selepas berlaku pencemaran bau sumber air mentah Sungai Selangor pada 21 Julai lalu.
– Gambar hiasan



takan tiada unsur sabotaj sebaliknya kecuaiian dalam insiden pencemaran sungai tersebut.

Pada 21 Julai lalu, pencemaran diesel di Sungai Selangor mengakibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 serta

LRA Rantau Panjang dekat sini terpaksa dihenti tugas yang menyebabkan gangguan bekalan air di wilayah Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Insiden itu berlaku di lokasi kerja pengorekan pasir oleh kontraktor berlesen yang tidak lagi beroperasi sejak kira-kira dua bulan lalu.
– Bernama



LAMPIRAN 8
BERITA HARIAN (NATIONAL): MUKA SURAT 11
TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

Green Agua Bin juara KIKHB PTSB 2019

Kuala Lumpur: Seramai 63 kakitangan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) menyertai Pertandingan Konvensyen Inovatif Kreatif Horizon Baharu 2019 (KIKHB'19) peringkat PTSB, baru-baru ini.

Konvensyen yang disertai oleh pelbagai jabatan itu bertujuan memberi peluang kepada peserta untuk menghasilkan dan mempamerkan segala bentuk projek inovasi melalui pembentangan serta pameran kepada semua warga PTSB dan komuniti.

Timbalan Pengarah Akademik PTSB, Mohd Zamre Ab Rahman, berkata matlamat KIKHB PTSB 2019 untuk mengetengahkan segala projek inovasi yang dihasilkan.

Katanya, konvensyen itu juga bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menyelesaikan masalah kajian akademik secara saintifik serta sistematik, sekali gus dapat membantu melahirkan graduan

yang kompeten.

"Ia selari dengan huraian tahap kelayakan yang digariskan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia bagi tahap menghasilkan graduan diploma di politeknik supaya menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam kerja serta mampu membuat penilaian dan keputusan dengan mengambil kira isu sosial, saintifik serta etika dengan autonomi sederhana," katanya.

Sempena KIKHB PTSB 2019, Kumpulan Agua yang mempertaruhkan projek Green Agua Bin dipilih sebagai pemenang utama yang membawa pulang Piala Pusingan Pengarah dan mewakili PTSB ke Konvensyen Inovatif Kreatif Politeknik Malaysia yang akan berlangsung pada 5 hingga 8 Ogos ini.

Majlis perasmian penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah PTSB, Leftenan Kolonel Bersekutu (Pertahanan Awam),



Yusma (depan, tengah) bergambar bersama peserta KIKHB 2019.

Yusma Yusof.

Ketua Projek Green Agua Bin, Maslina Suleiman, berkata produk inovasi itu dihasilkan untuk menangani masalah sampah terapung di dalam air dengan menggunakan kaedah sedutan.

Katanya, ujian sudah dijalankan di Taman Tasik Putra Kulim dengan kerjasama Majlis

Perbandaran Kulim memandangkan tasik bekas tapak lombong itu terletak di tengah bandar dan sudah dikomersialkan sebagai kawasan rekreasi.

"Kawasan taman tasik itu menjadi tumpuan orang ramai untuk melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama keluarga menyebabkan banyak gerai dan pusat perniagaan beroperasi

di situ bagi tujuan menjana ekonomi.

"Kesannya banyak sampah terutama plastik sisa makanan mencemarkan kawasan sekitarnya termasuk jatuh ke dalam tasik, justeru Green Agua Bin direka cipta untuk menyedut sampah berkenaan, sekali gus menangani masalah sampah terapung," katanya.



LAMPIRAN 9
THE SUN (SUNBIZ): MUKA SURAT 10
TARIKH: 1 OGOS 2019 (KHAMIS)

S&P affirms TNB's BBB+ rating

► Power company's proposed reorganisation will result in two new wholly owned subsidiaries for its retail and generation businesses

PETALING JAYA: S&P Global Ratings affirmed its 'BBB+' rating on Tenaga Nasional Bhd (TNB) following the latter's proposed reorganisation, which will result in two new wholly owned subsidiaries for its retail and generation business except for its transmission and distribution assets.

According to the ratings agency, the proposed reorganisation will have no material impact on TNB's credit profile, based on its assessment of the company and all its subsidiaries on a consolidated basis.

"We expect TNB's financial leverage, as measured on an adjusted funds from operations (FFO) to debt basis, to remain 16-17% over the next three years," it said in a statement yesterday.

From its calculation, the tax and

